

**Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dan kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbaangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi kita telah membuka majlis ini bagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu bagi Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A.

Di hadapan saya masih ada senarai 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membuat kenyataan. Maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Datin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai permulaan terima kasih dan tahniah kepada atas ucapan mukadimah Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri pada sebelah pagi tadi. Saya ada 3 soalan:-

1. Antara strategi mempelbagaikan ekonomi negara bagi mengembangkan sektor bukan minyak dan gas adalah dengan menarik Pelaburan Langsung Asing iaitu *FDI* serta mengukuhkan dan mengembangkan pengusaha-pengusaha tempatan. Industri halal adalah satu sektor industri yang dikenal pasti dapat menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi. Apatah lagi Negara Brunei Darussalam merupakan satu kelebihan daya saing dan *value added* ataupun nilai tambah sebagai sebuah Negara Zikir. Menurut laporan Industri Pasaran Global Halal, dianggarkan bernilai kira-kira US\$2.3 trilion setahun.

Soalan saya, sejauh manakah usaha-usaha yang telah dibuat bagi mempromosi pembangunan

industri halal dengan lebih pesat lagi sekali gus dapat merebut peluang-peluang perniagaan di pasaran global?;

2. Peningkatan bidang perniagaan dalam kalangan orang ramai semakin menggalakkan pada masa ini. Pengusaha-pengusaha tempatan yang semakin berkembang maju, antaranya yang bermiaga menggunakan media sosial termasuk yang sedang popular pada masa ini ialah jualan melalui kiub yang juga menggunakan *online Instagram*.

Soalan saya, adakah pihak-pihak berkenaan membuat pemantauan atau pengawalan terutama yang berhubung dengan keselamatan dan ketulenan, termasuklah keselamatan makanan, kosmetik dan produk-produk kesihatan?; dan

3. Seperti yang diketahui pelbagai macam jenis kajian yang telah dibuat mengenai perbelanjaan keluarga dan isi rumah dan juga mungkin kajian pengangguran dan lain-lain. Kajian yang dibuat ini selain untuk mengetahui statistik dan bilangan pengangguran atau lain-lain sudah setentunya ada perancangan yang lebih teliti akan menyusul dan dibentuk untuk mengatasinya.

Isu yang ingin saya timbulkan di sini ialah apa yang kita ketahui bukan sahaja lepasan *graduate* yang masih mencari-cari pekerjaan,

tetapi juga golongan yang berkemahiran pun sudah ramai yang menganggur terutama dalam sektor minyak dan gas, bilamana pekerja tempatan yang berkontrak menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan apabila majikan mereka tidak lagi meneruskan peluang pekerjaan.

Sebenarnya isu ini juga telah dibangkitkan oleh dua orang rakan Yang Berhormat, cuma saya ingin bertanya dalam usaha dan langkah-langkah yang dapat membantu golongan yang mempunyai kemahiran seperti ini iaitu untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan, adakah mereka ini juga termasuk dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri pada sebelah pagi tadi bahawa pada tahun 2015 telah dapat memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan jumlah yang melebihi 2,000 dan menjelang tahun 2016 akan dapat memberi pekerjaan kepada anak tempatan kira-kira berjumlah 2,600 orang? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyentuh Tajuk SA24A - Pusat Kebangsaan e-Kerajaan. Dalam abad teknologi sekarang, semua data juga boleh disatukan kepada satu data base yang canggih. Negara kita tidak ketinggalan seperti kad pengenalan sudah pun dikenali kad pintar, Pasport juga sudah dielektronikkan, lesen memandu sudah dibubuhkan dengan cip pintar, pendaftaran kesihatan di seluruh negara menggunakan *database BruHims*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat soalan saya, bilakah data dari yang kaola sebutkan tadi disatukan untuk menjadi kad canggih, supaya memudahkan seseorang berurus dengan mudah apabila ia dikehendaki memberikan keterangan tentang dirinya dengan cepat dan mudah seperti yang dijangkakan usia penduduk warga emas akan lebih panjang, walaupun umur mereka panjang namun fitrah manusia apabila tua masih ada masalah ingatan memang akan berkurang dan dengan adanya kad canggih itu sangat berguna bagi menolong warga tua berurus dan menggunakan untuk diuruskan.

Jika ada penerangan untuk menyatakan maklumat seseorang itu maka menjadi realiti dan bilakah masanya akan dilahirkan kad yang kaola maksudkan?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor**

**@ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kaola tujukan kepada Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE). Terdapat sugutan orang ramai masih lagi ada syarikat-syarikat ataupun kedai-kedai yang masih mengenakan caj 3 peratus kepada pelanggan-pelanggan kerana menggunakan kad kredit. Soalan kaola adakah perkara ini dipantau oleh JPKE dan apakah tindakan dibuat kepada syarikat-syarikat atau kedai-kedai yang masih menggunakan *service charge* ini?

Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Berapa peratuskah rumah-rumah seluruh negara yang menggunakan meter prabayar sehingga pada masa ini dan apakah usaha yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik kepada rumah-rumah yang belum menukar meter prabayar masa kini. Sekian. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar kenyataan-

kenyataan dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh 14 orang Ahli Yang Berhormat dilantik. Sekarang saya berikan kesempatan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan responsnya.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengurus, kaola lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana.

Lebih dahulu kaola akan menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas sokongan Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menarik perhatian terhadap penubuhan *DARe* ini adalah atas kepimpinan dan sokongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, yang sejak awal lagi telah bersabda supaya mempercepatkan proses penubuhan *DARe*. Sama-sama lah kita menjunjung kasih atas sabda Duli Yang Teramat Mulia itu.

Saranan Yang Berhormat adalah saranan yang baik, kaola akan mengambil berat akan cadangan ini dan akan memberi penekanan untuk berkerjasama dengan Kementerian Hal Luar Negeri dan Perdagangan dan juga agensi-agensi berkenaan yang lain bagi membantu mengakses pasaran antarabangsa melalui perjanjian-perjanjian yang sedia ada seperti *Asean Economic Community*, *TPP* dan *BIMP EAGA* dan sebagainya bagi pengusaha-pengusaha yang mempunyai produk yang memenuhi standard dan pensijilan eksport.

Sikap Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang menaruh keyakinan walaupun berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam yang tercinta dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengharungi cabaran-cabaran pada masa ini adalah satu sikap yang terpuji.

Soalan yang kedua dari Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid, saya mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat untuk mengenalkan skim khusus seperti untuk menerokai peluang perniagaan. Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan satu *hub* dengan kerjasama dewan-dewan perniagaan dan badan-badan yang profesional ini

adalah cadangan yang baik dan akan diteliti dengan lanjut bersama dengan pihak-pihak yang tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat antara Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe* adalah terdiri daripada Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei iaitu Awang Haji Abdul Samad bin Haji Ahmad, wakil dari *Entrepreneurship Association Brunei* Awang Del Goh dan Pengurus Persatuan Perkapalan Brunei Awang Jin Yong. Dengan keahlian tersebut diharap ia akan dapat membantu dalam penubuhan *hub* yang seperti mana yang dicadangkan Yang Berhormat dan *hub* tersebut saya masa ini sedang memikirkan kalau dapat ditempatkan di bangunan kepunyaan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai masalah *SME* memperolehi sumber kewangan, sebenarnya kerajaan ada menyediakan skim-skim pinjaman seperti *Entrepreneurs Facilitator Skim* dan *Micro Financing Scheme*. Semenjak skim-skim tersebut disediakan dari Tahun 2006 hingga 31 Disember 2015 lebih daripada \$210 juta telah dipinjamkan kepada perusahaan-perusahaan tempatan. Namun sesetengah perusahaan gagal membuat pembayaran menyebabkan kerajaan menghadapi kerugian seperti mana Yang Berhormat Datin katakan tadi.

Untuk makluman jumlah pinjaman yang tertunggak bayaran ialah kira-kira

\$55 juta. Kerajaan bersama pihak bank akan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang tertunggak. Walau bagaimanapun pihak kerajaan akan lebih dahulu membuat perundingan bersama peminjam-peminjam dan pihak bank sebelum mengambil sebarang keputusan yang lanjut.

Sistem bantuan kewangan yang ada pada masa ini diterajui oleh pihak kerajaan dan didapati beberapa kelemahan dalam proses meluluskan pinjaman. Seperti dalam beberapa permohonan pinjaman pihak kerajaan telah meluluskan walaupun pihak bank pada awalnya tidak menyokong permohon berkenaan berdasarkan analisis mereka terhadap pelan perniagaan pemohon.

Oleh yang sedemikian, pada masa ini pihak kerajaan sedang mereviu bantuan yang ada dan akan mencadangkan perubahan-perubahan supaya bantuan-bantuan kewangan yang dihulurkan lebih efektif dan berkesan. Reviu atas bantuan kewangan ini juga akan diterajui oleh berapa ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe*, supaya prespektif sektor swasta akan diambil kira.

Walau bagaimanapun seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kemudahan pinjaman bagi keusahawan ini perlu menjadi proses yang senang dilaksanakan dan memerlukan sistem pemantauan agar ia menjadi satu proses yang tulus transparen. Perbelanjaan hanya memfokuskan kepada keperluan

perniagaan sahaja bukannya untuk keperluan peribadi seperti pembelian kereta-kereta mewah.

Seperti mana yang dimaklumi bermula sememangnya mempunyai risikonya yang tersendiri apatah lagi perniagaan yang berunsur eksport terutama sekali dalam negara yang kurang mantap dari segi kestabilan politik dan ekonomi. Buat masa ini pengeluar insurans kurang berkeyakinan untuk menyediakan perkhidmatan insurans bagi aktiviti-aktiviti yang sedemikian. Insya-Allah saranan Yang Berhormat Datin akan dikaji lagi pada masa akan datang tentang berkesanannya.

Untuk menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Dato Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan tentang soalan *LTC* kaola akan cantumkan kerana ada dua orang Ahli Yang Berhormat menanyakannya, iaitu Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Isu yang dibangkitkan dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor minyak dan gas dan di Negara Brunei Darussalam yang bersangkutan paut dengan *LTC* akan kaola jawab kemudian. Kaola akan menjawab dulu tentang isu *LTC* ini jika ada kait mengaitnya yang dengan apa yang tadi

ditanya oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Kaola akan menjawab soalan yang pertama:-

Apakah rancangan *Brunei Shell Petroleum Berhad* dalam menghadapi krisis harga minyak ini?

Syarikat *BSP* adalah tidak terkecuali daripada menghadapi kesan secara langsung krisis harga minyak ini. Syarikat *BSP* melalui Perancangan Perniagaan (*Business Plan*) mereka telah dan akan terus menekankan dasar-dasar penjimatan dalam perbelanjaan dalam menghadapi suasana harga pasaran minyak yang terendah. Dasar-dasar ini termasuklah melalui *strategic corporate*, pemulihan yang dipanggil "*line in the sand*" bagi memastikan keseluruhan operasi Syarikat *BSP* *cost effective* dan *cost competitive* serta menghapuskan sebarang pembaziran.

Antara tindakan yang telah diambil termasuklah memberi keutamaan terhadap projek yang mempunyai nilai lebih tinggi, mengkaji semula semua perbelanjaan untuk memastikan pembekal menawar harga yang paling kompetitif, mengurangkan serta menangguhkan perbelanjaan bagi projek yang kurang penting, mengurangkan permintaan perkhidmatan, memaksimumkan penggunaan kapal secara guna sama, mengurangkan perbelanjaan bahan-bahan dan memaksimumkan penggunaan bahan-bahan yang sedia ada; dan membekukan pembukaan

jawatan-jawatan baharu dan mengurangkan jawatan-jawatan yang ketika ini tidak diisi dan sebagainya.

Dalam melaksanakan tindakan ini Syarikat *BSP* akan memastikan perjalanan operasi serta aspek-aspek keselamatan akan terus diberi keutamaan.

Bagi soalan berapa ramai pekerja asing dan pekerja tempatan di *Brunei Shell Petroleum* pada masa ini? Adakah *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat untuk membuat pemberhentian kerja (*redundancy excise*) bagi mengurangkan kos perbelanjaan? Adakah *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat untuk membekukan pengambilan pekerja tempatan dan luar?

Sudah saya nyatakan tadi iaitu membekukan pembukaan jawatan baharu. Mengenai jumlah pekerja Syarikat *BSP*, pada masa ini Syarikat *BSP* mempunyai kira-kira 4,347 pekerja iaitu seramai 85 peratus adalah pekerja anak tempatan dan 661 orang adalah pekerja asing. Setakat ini, Syarikat *BSP* belumlah berhasrat untuk membuat pemberhentian pekerja atau *redundancy excise* bagi mengurangkan kos perbelanjaan.

Seperti juga di syarikat-syarikat di sektor minyak dan gas yang lain, Syarikat *BSP* juga tidak terlepas daripada keperluan melihat dan merancangan keperluan tenaga manusia bagi memastikan syarikat terus terdaya saing dan berdaya tahan ketika harga

pasaran minyak yang rendah. Jumlah pekerja sebuah syarikat tertakluk kepada keperluan operasi syarikat dan pasaran atau *operation* dan *market driven*.

Pada ketika ini seperti yang dinyatakan sebelum ini, Syarikat *BSP* telah melaksanakan pembekuan pembukaan jawatan baharu dan mengurangkan jawatan-jawatan yang ketika ini tidak diisi. Pengambilan pekerja-pekerja terutama sekali pekerja asing disaring (*vetting*) lebih dulu oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan keperluan dan kesesuaian pekerja asing tersebut. Pengambilan pekerja asing ini adalah bagi menggantikan pekerja asing yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan di Syarikat *BSP* yang kepakaran pekerja asing ini masih dikehendaki.

Untuk makluman selanjutnya, Syarikat *BSP* telah mengadakan sasaran pengurangan pekerja asing sebanyak 10 peratus setiap tahun bermula dari tahun 2015 bagi 5 tahun akan datang sebagai sebahagian langkah strategik Syarikat *BSP* dalam pengurusan sumber tenaga manusia syarikat tersebut. Pada tahun 2015 Syarikat *BSP* telah berjaya mengurangkan sebanyak 75 orang iaitu menepati sasaran 10 peratus yang telah ditetapkan.

Menurut laporan media sosial, *Brunei Shell Petroleum Berhad* telah memberhentikan kakitangan tempatan yang berkontrak terutama sekali yang mansuh kontraknya pada tahun ini.

Apakah inisiatif *Brunei Shell Petroleum* dan kerajaan dalam membantu pekerja-pekerja yang terlibat? Soalan ini ada kena mengena dengan soalan yang ditanya Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Untuk menjawab soalan mengenai dengan *BSP LTC*. Pekerja-perkerja tempatan di Syarikat *BSP* dapatlah dibahagikan kepada *Regular Local Staff* dan *Local Term Contract Staff (LTC)*. *Regular Local Staff* adalah pekerja tetap Syarikat *BSP* yang kontreng pekerjaan mereka hanya akan tamat apabila mencapai umur persaraan. Sementara *LTC Staff* adalah pekerja tempatan yang berkontrak selama 2 atau 3 tahun saja tertakluk kepada keperluan syarikat operasi *BSP*.

Mengenai perkhabaran yang menyatakan bahawa Syarikat *BSP* bercadang memberhentikan pekerja-pekerja *LTC* tempatan, maklumat tersebut perlulah diperbetulkan. Syarikat *BSP* sebenarnya bercadang untuk tidak membaharui kontrak pekerja *LTC* terbabit apabila kontrak mereka tamat, bagi memastikan organisasi Syarikat *BSP* dapat beroperasi secara *cost effective*.

Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri telah meneliti maklumat-maklumat berkenaan dan memberikan pandangan sebagai panduan kepada Syarikat *BSP* seperti berikut:-

- Pekerja yang melebihi umur persaraan iaitu seramai 17 orang tertakluk kepada kehendak operasi Syarikat *BSP* dan terpulanglah kepada Syarikat *BSP* sama ada mahu menyambung kontrak pekerja terbabit atau tidak; dan
- Pekerja yang tidak mencapai prestasi pekerjaan yang sepatutnya akan diberikan bantuan untuk meningkatkan prestasi mereka melalui Pelan Peningkatan Prestasi atau *Performance Improvement Plan* selama 6 bulan, Syarikat *BSP* bolehlah menggunakan tatacara *human resource management* yang sedia ada bagi menangani mereka yang tidak ada menunjukkan peningkatan prestasi. Kategori ini ialah seramai 8 orang pekerja selebihnya yang seramai 43 orang terdiri daripada mereka yang mempunyai prestasi yang dikehendaki disarankan untuk disambung kontrak mereka dan alasan penematan kontrak pekerja tersebut pada masa ini belum dapat diterima.

Untuk maklumat dan makluman Dewan juga seramai 125 orang pekerja *LTC* sejak tahun 2010 telah pun diserapkan sebagai pekerja tetap di Syarikat *BSP*. Adalah juga perlu diambil maklum proses penyelarasian tenaga kerja atau apa yang dikenali sebagai *organization right sizing* adalah sesuatu yang biasa dibuat di syarikat-syarikat dan Syarikat *BSP* adalah tidak terkecuali. Ini bagi memastikan syarikat-syarikat dapat kekal berdaya tahan dan berdaya saing

terutama sekali semasa keadaan ekonomi yang lembap disebabkan kejatuhan harga minyak yang terus merudum dan rendah. Jumlah pekerja sebuah syarikat tertakluk kepada keperluan operasi dan pasaran atau *operational* dan *market driven*. Penyambungan kontrak pekerja LTC bergantung pada keperluan ia dilihat secara *case by case* iaitu tiada jaminan kontrak akan dilanjutkan secara automatik.

Bagi menangani isu situasi seperti ini di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri akan terus memantau keadaan ini bagi memastikan kesan ke atas pekerja tempatan dapat diminimumkan. Antara usaha jabatan ini termasuklah menghendaki syarikat-syarikat di Sektor Minyak dan Gas untuk melaporkan serta bermuzakarah bersama EIDPMO bagi sebarang perancangan memberhentikan pekerja tempatan. Memastikan syarikat hanya memberhentikan pekerja tempatan dengan alasan-alasan yang kukuh dan munasabah.

Membuat perancangan 2 tahun ke hadapan bagi pekerja yang diberhentikan melalui konsep *rollover* yang memandangkan pelan sasaran pengambilan kerja bagi kontrak yang akan dianugerahkan pada masa hadapan. *Vetting* ataupun persaringan permohonan pas kerja asing di sector ini bagi memastikan pekerja tempatan diberikan keutamaan termasuklah mereka yang telah diberhentikan.

Situasi ini amat mencabar. Untuk makluman Dewan setakat bulan Januari

dan Februari 2016 seramai 64 orang anak tempatan pada mulanya dirancang untuk diberhentikan oleh beberapa buah syarikat atas alasan pasaran harga minyak yang rendah. Melalui proses yang disebutkan sebentar tadi 68 orang yang dirancang, 52 pekerja tempatan yang telah diberhentikan. Dari 52 orang itu 27 orang daripadanya telah bekerja semula dengan syarikat-syarikat lain dan selebihnya itu sekarang masih dalam proses untuk dicari pekerjaan.

Proses ini tidak akan dapat mengembalikan pekerjaan secara keseluruhan kepada pekerjaan yang telah diberhentikan. Pekerja-pekerja tempatan yang didapati menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat lain terdiri daripada mereka yang mencapai umur persaraan, pekerja-pekerja yang mempunyai disiplin dan prestasi pekerjaan yang tidak baik dan mereka yang membuat kerja-kerja bukan teknikal seperti kerani, penyambut tetamu, pembantu pejabat dan sebagainya kerana kerja-kerja ini telah pun dikuasai oleh anak-anak tempatan di syarikat lain. Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri akan terus memantau perkara ini dan akan terus proaktif dalam memastikan *job security* anak-anak tempatan akan dapat dipertahankan.

Bagi menjawab soalan yang berkaitan dari Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, soalan yang berkaitan dengan Syarikat Brunei Methanol. Syarikat Brunei Methanol beroperasi semenjak

2010. Pada masa ini kira-kira 200 anak tempatan bekerja di kilang *BMC* ini daripada 225 keseluruhan pekerjanya. Dari segi *local content* pula sejak syarikat ini mula beroperasi sehingga sekarang sumbangan secara keseluruhan *local content spending* bagi bangunan dan perkhidmatan serta pekerjaan anak-anak tempatan adalah bernilai BND \$287 juta.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dengan pendapatan kasar syarikat ke *BMC* memandangkan syarikat ini adalah sebuah syarikat milik usaha sama dengan syarikat-syarikat dari negara Jepun. Maklumat berupa komersial ini perlulah memperolehi kebenaran dari syarikat tersebut. Seperti jua mana-mana industri minyak dan gas, Syarikat Brunei Methanol juga menghadapi cabaran yang tersendiri dalam pasaran harga minyak dan gas yang rendah pada masa ini. Saya percaya syarikat usaha sama ini telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikannya ia boleh berdaya tahan dan berdaya saing.

Satu jawatankuasa yang dikenali iaitu jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing *FDI* dan pelaburan yang ditubuhkan pada 23 November 2015 dalam memastikan usaha-usaha bersepada ke arah pembangunan industri hiliran di negara ini agar perlaksanaan projek-projek *FDI* dibuat secara teratur serta boleh mendatangkan faedah kepada sosiaekonomi negara termasuklah menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Mengenai dengan soal Industri Serambangan Tutong lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat bagi penubuhan cawangan-cawangan *business support center* di kesemua daerah dan untuk bertindak proaktif seperti turun padang untuk memberi tunjuk ajar kepada pengusaha-pengusaha yang kurang berkemampuan dan berpengetahuan.

*Business support center* yang akan beroperasi sepenuhnya di bangunan *Design and Teknology* di Anggerek Desa mulai 1 haribulan April 2016. Manakala cawangan-cawangan di daerah lain akan ditubuhkan secara berperingkat pada tahun ini. Dalam masa yang terdekat pihak *DARe* akan mengadakan *roadshow* tertentu seperti *Enterprise Open Day* di daerah-daerah sebagai satu usaha memberi peluang pada pengusaha-pengusaha di daerah-daerah berkenaan berkongsi masalah atau mendapatkan nasihat dan bantuan yang ditawarkan oleh pihak *DARe*.

Berkenaan dengan persijilan yang diperlukan oleh pengusaha-pengusaha khususnya terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran produk seperti persijilan *good manufacturing practice* atau pun *HACCP Hazard Analysis Critical Control Point*.

Pada tahun ini pihak *DARe* bersama pusat standard kebangsaan akan menyediakan khidmat nasihat dan membantu bagi membantu para pengusaha tempatan untuk mendapatkan persijilan berkenaan.

Mengenai tapak Industri Serambangun pula, kadar penghunian tapak yang disediakan di tahap 79 peratus manakala kadar penghunian *Consolidate* bagi kompleks pula diakui di tahap yang rendah iaitu 43 peratus sahaja. Kompleks Perindustrian Serambangun memang sesuai bagi industri ringan seperti pemprosesan makanan, pengetinan makanan, ubat-ubat tradisional seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Dengan adanya khidmat bantuan dari *DARe* dan Pusat Standard Kebangsaan yang saya sebutkan tadi adalah diharapkan perusahaan-perusahaan yang kini bertapak di sana mahupun perusahaan-perusahaan yang berminat untuk bertapak di sana akan dapat berkembang sehingga dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Bagi soalan yang ke 5 oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai bantuan *SME*. Kaola mengambil maklum saranan Ahli Yang Berhormat bagi pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam memberi bantuan dan bimbingan ini dibuatnya dengan sepenuh hati bagi *SME* mengambil peranan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi yang tertentu.

Bantuan yang disediakan untuk *SME* berdasarkan peringkat kematangan *SME* itu sendiri dan insya-Allah akan dibuat secara ikhlas dengan sepenuh hati. Ini bersesuaian dengan kandungan khutbah Jumaat yang lalu yang menekankan pentingnya kita untuk sentiasa berfikiran positif dengan semangat wajar dan

tidak mudah berputus asa dan sentiasa menjauhi daripada berprasangka buruk dan negatif serta bersabar.

Bantuan untuk *SME* akan diberikan dalam berbagai-bagai bentuk seperti bengkel untuk memulakan perniagaan dan cara penyediaan pelan perniagaan bagi *SME* yang baru saja memulakan perniagaan. Bantuan boleh juga diberi dalam bentuk bimbingan, penyediaan peluang jaringan perniagaan, kekuahan, keupayaan, akses prasarana dan penyediaan tapak atau kompleks perindustrian.

Bagi menjawab soalan tentang keberkesanan dewan perniagaan, alhamdulillah pada masa ini keahlian Lembaga Urus Tadbir *DARe* yang terdiri daripada lebih 80 peratus wakil dari sektor swasta. Salah seorang dari ahli lembaga tersebut ialah Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad, Ahli dari Dewan Perniagaan Perusahaan Melayu Brunei, Awang Del Goh yang mewakili *Entrepreneurship Brunei* dan Awang Jin Yong, Pengurus Persatuan Perkapalan. Perwakilan dan penglibatan mereka sebagai Ahli Lembaga *DARe* merupakan salah satu langkah untuk memastikan misi dan visi mereka sebagai dewan perniagaan dan persatuan sejajar dalam pembangunan ekonomi Brunei.

*DARe* juga akan bekerja rapat dengan dewan-dewan perniagaan dan persatuan untuk mendekati komuniti perniagaan serta untuk mempunyai pemahaman yang lebih baik dan

seterusnya menangani isu-isu dan keperluan mereka.

Dalam pada masa yang sama dewan perniagaan juga digalakkan untuk lebih proaktif dan bekerjasama. Saya bersetuju dengan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Ahli-ahli dewan perniagaan akan dapat bersatu hati untuk sama-sama menjayakan hasrat kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, soalan keduanya ialah tentang Telisai *Straight Light*. Pihak kerajaan juga mengungkayahkan inisiatif penjimatan penggunaan elektrik bagi lampu-lampu awam di seluruh negara. Inisiatif berbentuk *Alternate Switching and Off* telah bermula pada 27 Januari 2016. Bagi lampu-lampu baharu yang di pasang di Lebuh raya Telisai Lumut, lampu-lampu ini pada asalnya dipasang pada jarak 40 meter antara tiang. Adapun bagi mendukung usaha penjimatan tenaga elektrik, lampu ini akan dijauhkan jaraknya kepada 80 meter.

Bahan-bahan lebihan daripada projek ini akan digunakan bagi pemasangan di tempat lain yang memerlukan lampu awam. Untuk makluman, kesemua pemasangan lampu sejak tahun 2014 adalah menggunakan teknologi cekap tenaga yang akan menghasilkan penjimatan sebanyak 80 peratus berbanding dengan lampu konvensional. Jadi lampu yang digunakan adalah lampu LED.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit tentang tarif baru ini, adakah lebih mahal atau murah dan tunggakan. Tunggakan yang dikatakan \$390 juta kurang tepat. Jumlah sebenar tunggakan sektor-sektor tersebut ialah \$124 juta bagi sektor perumahan dan \$43 juta bagi sektor komersial yang berjumlah \$167 juta sahaja.

Untuk memberi insentif ini tertarik saya tentang memberi insentif kepada pengguna-pengguna yang mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di samping membantu pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan. Dari 0 ke 600 kwh sebulan caj di Brunei ini hanya \$6.00 dan kalau dibandingkan dengan negara jiran, pengguna akan dikenakan bayaran \$55.00 sebulan. Jadi insentif *charge* yang dibuat ini berdasarkan tarif yang labelnya, kalau 0 hingga 600 ia adalah 1 sen. Ini sudah memberi insentif kepada orang yang sekiranya 7 kwh untuk membalikkan penggunaannya itu kepada 600 kwh sebulan.

Mengenai penggunaan solar, kajian telah dibuat oleh *Brunei National Energy Research* mengenai tarif dan insya-Allah akan dijadikan dasar kerajaan bagi penggunaan teknologi *PV Solar* di negara ini. Satu draf perintah telah siap dibuat dan dibincangkan bersama agensi yang berkenaan. Perintah ini akan memberi insentif kepada sektor perumahan dan komersial untuk melabur dalam *PV Solar Road Top*.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit juga mengenai *EGNC*, lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit atas soalan yang dikemukakan mengenai media sosial.

Media sosial adalah satu *platform* untuk menyampaikan mesej atau pesanan kepada pihak yang berkenaan. Pendekatan pendidikan mengenai media sosial merupakan jalan terbaik untuk mendidik orang ramai menjadi pengguna yang bertanggungjawab. Pihak *EGNC*, *AiT*i dan *ITPSS Brunei Computer Emergency Response BruSet* telah mengadakan beberapa kempen mengenai kesedaran risiko dan ancaman-ancaman ruang siber yang tertumpu kepada sekolah-sekolah dan kanak-kanak dalam kalangan murid-murid di sekolah-sekolah.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti membuat dan mengambil buku komik dan poster dari negara-negara *ASEAN* bagi kegunaan sekolah dalam memaklumkan bahawa ruangan siber dan juga tip bagaimana untuk sentiasa dalam keadaan selamat. Buku-buku komik dan juga poster telah diedarkan semasa ceramah kesedaran *Cyber Security* kepada pihak-pihak sekolah yang terlibat dalam tahun 2015. Ceramah kesedaran telah diadakan di 21 buah sekolah di kesemua daerah. Di samping itu juga, pihak *ITPSS* dan *BruSet* telah membuat iklan kempen kesedaran melalui pawagam, ceramah, jerayawara, akhbar dan juga laman web

yang khusus untuk meningkatkan kesedaran *Cyber Security*. Iklan kempen kesedaran tersebut akan dilaksanakan secara berterusan. Sementara itu, program ini juga akan dilaratkan ke kampung-kampung dan mukim-mukim pada masa akan datang. Insya-Allah.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Kompleks Koperasi Batu Apoi, belum lagi dibukakan kepada orang ramai, bilakah kompleks ini dapat digunakan?

Saya lebih dahulu mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Kompleks Koperasi Batu Apoi. Pembinaan Kompleks Koperasi tersebut telah siap dilaksanakan pada tahun 2013. Kompleks tersebut akan ditawarkan untuk diurus tadbir dengan memberikan keutamaan kepada koperasi-koperasi melalui proses tawaran kerajaan.

Seperti mana cadangan asal Kompleks Koperasi ini, dicadang untuk ditadbir melalui penubuhan koperasi menengah (*secondary cooperative*) yang akan dianggotai oleh koperasi-koperasi asas (*primary cooperative*) sesuai dengan konsep berkoperasi. Antara aktiviti yang dijalankan di Kompleks Koperasi ini ialah pusat edaran koperasi. Pada masa ini, satu komite sementara pusat edaran berkenaan telah pun ditubuhkan yang ahli-ahlinya terdiri daripada koperasi-koperasi sendiri.

Di samping itu juga, pusat ini mendukung kepada program ekopelancongan negara dalam menyediakan kemudahan tempat penginapan *transits* sebelum memulakan destinasi ke Taman Negara Belalong dan destinasi lainnya. Beberapa perkhidmatan lain seperti ruang kafe, *minimart* juga disediakan bagi kemudahan para pelancong di Daerah Temburong. Semua aktiviti yang saya sebutkan tadi insya-Allah akan dilaksanakan pada tahun ini.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, apakah usaha yang sudah dijalankan bagi pemasangan kabel di Jambatan Temburong. Rancangan awal kerja-kerja tersebut telah pun dibuat dengan usaha bersama *Berakas Power Management Company* dan juga pihak Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja tersebut termasuk spesifikasi-spesifikasi teknikal talian penghantaran menghubung sistem pembekalan utama Brunei ke Daerah Temburong. Penyediaan *cradle* bagi menempatkan kabel-kabel ini adalah salah satu yang diselaraskan dan ia akan dibina dengan kerja-kerja pembinaan Projek Jambatan Temburong ini.

Jabatan Tenaga dan Perindustrian juga akan mengkaji penggunaan tenaga solar untuk *supplement* tenaga konvensional memandangkan Daerah Temburong merupakan daerah yang *Freestand*. Stesen Jana Kuasa Belingus akan dijadikan sebagai *backup station*.

Menjawab soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Apakah tindakan jabatan bagi pengguna-pengguna yang masih menggunakan meter konvensional? Setakat ini, baki yang masih menggunakan meter konvensional ialah sebanyak 1,290 orang. Pengguna yang mempunyai tunggakan sebanyak \$7.9 juta. Bagi membendung dan mengawal tunggakan ini daripada berlarutan, usaha penggantian meter masih giat dijalankan dan kontrak penggantian meter ini, akan dijangkakan berakhir pada hujung bulan Jun ini.

Untuk makluman jua, sebanyak 22,642 akaun sektor perumahan telah terlibat dalam program penukaran meter yang mempunyai tunggakan sebanyak \$59 juta telah pun dituntut secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun lepas.

Alhamdulillah, hasil daripada kerjasama dan rasa tanggungjawab orang ramai dalam sama-sama menangani tunggakan berkenaan, pihak kerajaan telah berhasil mengutip \$4.8 juta melalui pembayaran penuh pemotongan dari baksis, gaji, pencen dan potongan daripada pembelian token meter prabayar dan jumlah tunggakan menurun secara *gradual* kepada \$54 juta.

Insya-Allah, dengan adanya kutipan tunggakan secara *gradual* ini, akan menambah lagi kutipan hasil pendapatan kerajaan, seterusnya dapat

membantu menjana perekonomian kerajaan. Fungsi utama penggunaan meter prabayar ini ialah mengawal tunggakan bil elektrik yang dulu selain membantu *individual* berkenaan berjimat cermat dan berhemah dalam penggunaan tenaga elektrik.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan hasrat ini, pihak kerajaan memohon sokongan yang jitu dan kerjasama yang baik daripada pengguna yang masih menggunakan meter konvensional akan dapat memudahkan pihak kerajaan melaksanakan kerja-kerja penggantian meter ini dengan secepatnya dan juga membantu pihak kerajaan dalam sama-sama menangani tunggakan yang ada secara holistik. Manakala, bagi penggunaan yang masih mempunyai tunggakan tetapi sudah bertukar ke *prepaid*, jabatan sudah pun mengambil tindakan langkah seperti berikut:-

1. Pengagihan surat tuntutan dikeluarkan secara berperingkat-peringkat setiap bulan kepada pengguna-pengguna yang masih mempunyai tunggakan bil elektrik. Terutama di sektor perumahan dan komersial;
2. Setakat ini, 22,000 akaun yang mempunyai tunggakan, sebanyak 59 juta telah pun dikeluarkan surat makluman; dan
3. Manakala sektor komersial pula, sebanyak 3,981 akaun yang mempunyai tunggakan sejumlah \$9.7 juta juga telah dikeluarkan

surat tuntutan. Hasil dari pengagihan surat berkenaan, seperti mana yang saya nyatakan tadi, kerajaan telah pun dapat mengutip balik kira-kira \$4.3 juta di sektor perumahan dan \$562,000 bagi sektor komersial.

Bagi sektor perumahan, alhamdulillah tunggakan dapat dikawal dan menurun secara *gradual* dari setahun ke setahun. Ini adalah hasil daripada seperti yang saya nyatakan tadi.

Mengenai soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, Adakah mahal atau murah tarif kita ini jika dibandingkan dengan dulu? Jawapan yang pendek ialah murah insya-Allah. Tapi jika untuk orang yang tinggi bayarannya memanglah mahal tapi bagi orang yang membayar sehingga dalam \$130.00 adalah lebih murah daripada yang dulu.

Kaola berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Soalan yang bersangkut paut dengan pelaburan asing akan kaola/saya jawab pada soalan bernotis. Sama jua soalan ini, soalan *FBI* ini, akan saya jawab insya-Allah pada esok hari.

Seterusnya bagi menjawab soalan mengenai peratus kementerian yang melaksanakan program e-Kerajaan. Setakat ini, seratus peratus kesemua Kementerian telah menggunakan perkhidmatan guna sama yang disediakan oleh Pusat Kebangsaan e-Kerajaan dan juga melaksanakan

beberapa projek e-Kerajaan sendiri. Bagi projek-projek e-Kerajaan yang telah dilaksanakan sendiri oleh kementerian, projek ini dipantau oleh Pusat Kebangsaan e-Kerajaan untuk memastikan pencejajaran dari beberapa aspek seperti teknikal dan sekuriti. Dengan ini ia akan dapat memastikan *standardisation*, *consolidation* dan pencejajaran dalam memberikan perkhidmatan kos dan memudahkan pemantauan.

Seterusnya seperti yang dimaklumkan pada sesi pagi tadi strategi kerajaan digital 2015/2020 merupakan langkah kerajaan bagi mendukung visi negara iaitu Wawasan 2035 melalui penggunaan dan pembangunan *ICT*. Pihak kerajaan melalui Pusat Kebangsaan e-Kerajaan yang telah ditubuhkan akan memastikan pelaksanaan projek *ICT* dan akan terus memberikan perkhidmatan yang berinovasi dan senang diakses.

Merujuk saranan Yang Berhormat tadi untuk mendapatkan bantuan Majlis Perundingan Kampung dalam membantu menangani masalah pokok tumbang atau ranting-ranting yang *touching* yang melibatkan gangguan kepada kawat elektrik. Ini sangat dialu-alukan. Dan seperti mana jua pendapat Yang Berhormat tadi untuk membawanya ke Majlis Perundingan Kampung itu sangatlah dialu-alukan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Sebenarnya pada masa ini ia dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik, tetapi ranting-ranting ini adalah daripada

pohon buah anak-anak kampung. Jika hendak ditebang pohon buah anak-anak kampung ini kadang-kadang mereka akan membawa pemanarang jua. Dengan adanya ketua kampung dan penghulunya dengan cara bersepadau, insya-Allah akan dapat kitani kurangkan lagi gangguan elektrik ini.

Berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin tentang gas domestik di Daerah Kuala Belait, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin mengenai cadangan memberhentikan gas domestik dengan *LPG* bagi pengguna di Pekan Belait bagi diselaraskan dengan pengguna yang lain. Kaola akan memendekkan sahaja bahawa masalah ini perlu dilihat secara holistik.

Memberhentikan gas ini adalah perkara yang paling senang tetapi ia akan melibatkan kepada 10 ribu buah rumah. Kitani mesti fikirkan bersama-sama bahawa 10 ribu buah rumah, bagaimana kitani akan dapat mengatur (*regulate*) supaya perkara ini dapat dikawal (*control*) penggunaannya. Jika 10 buah rumah ini berpindah kepada *LPG*, subsidi yang akan diadakan ialah sebanyak 6.3 juta. Maka harus difikirkan jua, kalau dengan gas pada masa ini, sebenarnya menjana positif *plus* 500 ribu.

Dalam kesimpulan ini, cadangan tersebut adalah baik dan terpaksalah kaola dan pihak Kementerian Pembangunan juga sama-sama memikirkan yang kebanyakannya

melibatkan isu keselamatan, isu prasarana gas ini dan kitani juga perlu memikirkan orang ramai dan alat-alat dalam rumah tersebut seperti gas pemanas air rumah mereka, semuanya adalah bersandarkan kepada gas supaya tidak mendarangkan sebarang kemusyikan kepada 10 ribu buah rumah berkenaan.

Berkenaan soalan daripada 2 orang Ahli Yang Berhormat tadi, salah seorang ialah Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin tentang soalan tentang halal itu, akan kaola jawab juga pada esok hari disebabkan dalam Soalan-Soalan Yang Diberi Notis, ada juga diberikan soalan berkenaan yang kaola kira sama.

Soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, berkenaan ke arah *one database* yang canggih dan kad pengenalan itu, kaola meminta akan menjawab selepas rakan-rakan kaola menjawab soalan yang lain.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin memberikan penerangan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi kerana telah

memberi izin pada kaola sekali lagi untuk memberi respons.

Kaola ingin merujuk kepada soalan yang telah pun dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai faktor yang menyebabkan orang yang tidak mempunyai simpanan yang aktif terdapat 24 peratus golongan yang memerlukan pinjaman kewangan bagi menyara kehidupan harian mereka dan bagaimana kita harus menangani perkara ini. Kaola menjawab soalan ini selaku Timbalan Pengurus Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Hasil dari kajian yang dibuat oleh Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (*Centre for Strategic and Policy Studies - CSPS*), menyatakan antara sebab utama sebahagian besar responden tidak mempunyai simpanan aktif kerana perbelanjaan mereka melebihi daripada pendapatan yang mereka perolehi.

Antara sebabnya ialah *priorities* (keutamaan) perbelanjaan yang dibuat oleh mereka tidak membolehkan seseorang itu membuat simpanan. Kajian itu juga mendapati bahawa 60 peratus daripada responden tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan lebih daripada dua bulan jika mereka kehilangan sumber pendapatan. Adalah diakui bahawa ada juga golongan yang pendapatan mereka memang tidak cukup untuk perbelanjaan bulanan

apatah lagi bagi mereka membuat simpanan.

Yang Berhormat Pengurus, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengikut dapatkan *CSPS* juga, secara amnya sebahagian besar masyarakat tidak mempunyai kemahiran asas pengiraan atau *basic numeracy skills* dan tidak memahami mekanisme perkiraan kadar faedah. Indikasi ini menggambarkan tahap kemahiran ataupun *financial literacy* yang rendah dalam kalangan mereka dan seterusnya memberi kesan kebolehan mengurus kewangan masing-masing. Oleh itu, kerjasama agensi-agensi berkenaan amat penting dalam usaha untuk meningkatkan celik kewangan kalangan orang ramai terutama dalam keadaan ekonomi sekarang yang memerlukan kita semua mengurus kewangan dan berbelanja secara berhemah.

Kajian yang dibuat oleh *CSPS* juga mendapati bahawa responden mempunyai sikap yang positif yakni bersetuju dan menyambut baik keperluan perancangan kewangan bagi masa hadapan akan tetapi mereka tidak mempraktiknya. Lebih 40 peratus responden tidak mencapai markah yang memuaskan dalam merancang kewangan mereka.

Maka dengan itu, sebagai salah satu langkah mengatasi isu tersebut, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan Notis Peraturan mengenai nisbah keseluruhan khidmat hutang atau *Total Debt Service Ratio (TDSR)*, yang telah berkuat kuasa mulai

8 Jun 2015, yang bertujuan memastikan peminjam mempunyai baki gaji atau pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan seharian dengan mengehadkan jumlah pembayaran balik hutang bulanan peminjam.

Peraturan *Total Debt Service Ratio (TDSR)* tersebut juga bertujuan mewujudkan sikap dan amalan pengurusan kewangan yang bijak mengikut kemampuan masing-masing terutamanya memastikan orang ramai mempunyai lebihan gaji bagi menyara kehidupan seharian dan tidak terlalu bergantung pada hutang.

Hasil daripada penelitian dan pemantauan pihak AMBD terhadap kesan *TDSR* sejak pelaksanaannya tujuh bulan yang lalu, ia telah menunjukkan impak yang signifikan dan positif. Sejak pengenalan *consolidation loan*, sebanyak 95 peratus daripada 5,318 pemohon telah berjaya mengurangkan beban hutang mereka ke tahap yang tidak melebihi 60 peratus daripada pendapatan. Ini dengan secara tidak langsung memberikan ruang kepada pemohon untuk merancang pengurusan kewangan dengan lebih baik.

Manakala dari segi angka penunjuk *non performing loans (NPL)* bagi sektor isi rumah (*half full debts*), menunjukkan penurunan daripada 23 peratus pada bulan Disember 2014 kepada 1.8 peratus pada bulan Disember 2015. Di samping itu, pihak institusi-institusi perbankan dan kewangan disarankan untuk mengamalkan sikap *responsible*

*lending* dalam memberikan perkhidmatan pembiayaan kepada orang ramai bagi sama-sama mendukung pelaksanaan pengurusan kewangan yang berhemah pihak institusi-institusi perbankan dan kewangan juga perlu lebih telus dalam menawarkan produk-produk pembiayaan khususnya dari segi ciri-ciri produk tersebut yang merangkumi yuran serta caj-caj perkhidmatan yang dikenakan termasuk pengiraan pembayaran balik pembiayaan. Langkah-langkah yang dinyatakan tadi adalah di peringkat permulaan dan akan terus diteliti keberkesanannya dari semasa ke semasa oleh pihak *AMBD*.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat tadi jua bahawa orang ramai tidak dapat membuat simpanan kerana kenaikan harga barang. Kaola ingin memaklumkan bahawa kadar inflasi di negara ini di tahap yang rendah dan terkawal malahan kadar inflasi pada tahun 2015 ialah negatif iaitu 0.1 peratus sahaja.

Sehubungan dengan itu, mengikut daripada hasil kajian perbelanjaan keluarga pada tahun 2011 menunjukkan corak perbelanjaan keluarga yang menurun yang menunjukkan peningkatan bagi rekreasi meningkat daripada 5.4 peratus pada tahun 2005 kepada 6.4 peratus pada tahun 2010/2011. Begitu juga perbelanjaan bagi restoran dan hotel, daripada 5.3 peratus kepada 6.2 peratus pada tahun yang sama.

Barangan lain dan perkhidmatan daripada 3.9 peratus kepada 4.5 peratus. Perbelanjaan ke luar negeri, daripada 2.4 peratus kepada 4.2 peratus. Ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan keluarga yang kebanyakannya bukan bagi keperluan asas tetapi lebih banyak kepada perbelanjaan bukan asasi.

Untuk makluman, pihak JPKE sedang menjalankan kajian perbelanjaan keluarga 2015/2016 yang bermula pada 1 April 2015 dan akan berakhir pada 31 Mac 2016. Untuk memantau perkembangan terkini mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Pengurus. Kaola ingin jua menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai *SME*. Iaitu mengenai usaha bagi membantu untuk mendapatkan kewangan sebagai tambahan kepada maklumat yang telah pun ataupun jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

*Authority Monetary Brunei Darussalam* sentiasa mendukung usaha dan inisiatif agensi-agensi kerajaan dalam mengembangkan perniagaan kecil dan sederhana (*SME*) selaras dengan objektif-objektif utama *AMBD*, yang antara lainnya untuk mengadakan dan meningkatkan sektor perkhidmatan kewangan yang progresif.

Pihak *AMBD* telah mengeluarkan notis pengawalan kadar pembiayaan maksimum sebanyak 8 peratus tertakluk kepada beberapa kriteria. Dengan adanya pengawalan tersebut, ia diharapkan dapat membantu *SME* dalam membuat pembiayaan pada kadar yang berpatutan.

Di samping itu, dengan adanya *Bureau Credit, AMBD*, bank-bank dapat menilai status kredit peminjam berdasarkan laporan kredit dan seterusnya membantu dalam mengukuhkan pengurusan risiko kredit bank-bank terhadap sektor ini.

Pada bulan Januari 2016, *AMBD* telah menyarankan pihak Persatuan Bank-Bank Brunei (*Bank Association of Brunei*) untuk menerbitkan kadar-kadar pembiayaan bagi sektor korporat yang mempunyai kredit *ratings* yang tinggi. Ini adalah untuk meningkatkan ketulusan mengenai kadar-kadar pembiayaan yang ditawarkan kepada sektor korporat sebagai bandingan dengan kadar-kadar pinjaman yang ditawarkan oleh negara-negara jiran.

Selain itu juga, *AMBD* telah mengarahkan pihak bank untuk meneliti dan mengemas kini kadar pinjaman utama atau *Prime Lending Rate (PLR)* berpandukan dengan kos bank, strategi bank dan kadar faedah semasa bagi meningkatkan lagi persaingan yang kompetitif.

Bagi pihak orang ramai, pemberigaan (*awareness*) telah dibuat melalui akhbar mengenai kefahaman terhadap

*PLR* sebelum mendapatkan pinjaman. Pihak *Bank Assosiation Brunei (BAB)* juga telah menyatakan komitmen untuk mendukung perkembangan *SME* di negara ini dengan mengadakan sesi forum, dialog dan bengkel yang bersesuaian seperti menyediakan asas pengurusan kewangan dan urus tadbir perniagaan yang bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan (*Financial Literacy*) dalam kalangan *SME*. *AMBD* akan sentiasa meneliti aktiviti institusi-institusi kewangan dalam mendukung usaha kerajaan untuk mengembangmajukan sektor *SME* di negara ini.

Kaola ada satu lagi respons kepada hal yang ditimbulkan mengenai *surcharge*. Kaola percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) akan menjelaskan dengan lebih lanjut tetapi dari sudut pihak *AMBD*, kaola ingin menjelaskan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Sebenarnya *surcharge* bagi penggunaan kad debit ataupun kad kredit dikenakan oleh peniaga-peniaga dan bukan dikenakan oleh bank-bank. Sementara itu, pihak Persatuan Bank-Bank Brunei juga telah mengeluarkan satu siaran akhbar bahawa jika masih ada *surcharge* sedemikian pihak pelanggan bolehlah menghubungi pihak bank untuk mendapatkan penerangan lanjut. Pihak bank-bank akan mengambil tindakan dengan menarik balik *card terminal* yang telah diedarkan sebelumnya bagi peniaga-peniaga yang

tidak mematuhi perjanjian dengan bank tersebut.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi penjelasan daripada pihak *AMBD*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kan becakap lagi. Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:** Kaola akan meneruskan ada 3 soalan yang belum kaola jawab tadi.

Soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat mengenai cadangan bagi mengadakan kad canggih yang menyatakan informasi semua data yang berkaitan. Memang diakui pada masa ini terdapat banyak duplikasi, data-data yang tidak terurus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Salah satu sebabnya ialah setiap agensi kerajaan berkenaan didorong oleh undang-undang dan akta-akta yang tersendiri. Sebagai langkah awal penambahbaikan strategi kerajaan digital 2015 hingga ke tahun 2020, yang dilancarkan pada bulan Jun, 2015 yang

mengandungi satu program bagi melaksanakan akses sejahtera untuk sistem kerajaan *implementing universal access* di mana program tersebut diharatkannya untuk menghasilkan satu *ID universal* dari segi aspek teknikal teknologi tersebut boleh dilaratkan untuk digunakan bagi kad universal.

Walau bagaimanapun, disebabkan perkara ini akan melibatkan perubahan dasar kajian secara mendalam dan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan akan dapat dilaksanakan dalam hal ini, dari segi aspek keselamatan data *privacy* hendaklah diambil kira semasa menjalankan kajian tersebut.

Bagi soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Lebih dahulu terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai pemasangan meter prabayar. Setakat ini alhamdulillah, penukaran meter kepada meter prabayar bagi sektor perumahan komersial sudah mencapai 98 peratus iaitu 85,331 akaun. Manakala masih terdapat 1,549 lagi yang belum ditukar dan insya-Allah yang selebihnya akan ditukar dengan meter prabayar pada bulan Jun ini juga.

Soalan yang penghabisan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. *Although* kaola besok kan kaola jawab, tetapi usulnya soalannya ini berlainan daripada soalan yang kaola jawab esok.

Izinkan saya Yang Berhormat Pengerusi untuk menghabiskan menjawab soalan ini. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas soalan yang diajukan mengenai Industri Halal. Ingin saya jelaskan dahulu bahawa Industri Halal Global dianggarkan AS\$2.3 trillion setahun. Dari jumlah ini, sebanyak \$1.37 trillion adalah bagi sektor makanan halal dan \$46 bilion dari sektor kosmetik dan US\$72 bilion dari sektor *pharmaceutical*. Negara Brunei Darussalam memang memfokuskan perkembangan industri halal terutama bagi aktiviti-aktiviti pembuatan produk-produk makanan, kosmetik dan *pharmaceutical*. Ke arah ini kerajaan telah sedang giat menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) bersama dengan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEBD*).

Beberapa syarikat seperti di negara Jepun, Korea, Negara Timur Tengah, Australia dan New Zealand telah dikenal pasti dan beberapa perbincangan telah diadakan dengan syarikat-syarikat berkenaan. Alhamdulillah sebahagian daripada syarikat tersebut telah menunjukkan minat untuk melabur di negara ini dan sedang menyediakan cadangan pelaburan (*investment proposal*) yang akan mereka hadapkan ke *BEBD* dalam masa terdekat insya-Allah.

Pihak kerajaan juga, telah menyediakan satu tapak khusus bagi industri halal yang dikenali sebagai *BioInovation Corridor (BIC)*, iaitu sebuah tapak yang telah dilengkapi dengan *infrastructure*

atas seperti jalan raya dan elektrik bagi memudahkan pelabur asing untuk memulakan perniagaan mereka di negara ini.

Pada masa ini sebuah syarikat dari negara Jepun iaitu *MC Biotec Sendirian Berhad* sedang giat membangun sebuah kilang bagi menghasilkan produk pewarna makanan di tapak *BIC*. Kilang ini dijangkakan akan mula beroperasi pada bulan Julai 2016 tahun ini. Pihak kerajaan sedang dalam proses mendaftarkan pensijilan Logo Halal di United Kingdom bagi membantu para pengusaha menembusi pasaran di luar negara. Pendaftaran di negara-negara lain seperti Timur Tengah, *ASEAN*, Jepun, China dan Korea juga akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada tahun ini.

Pihak kerajaan juga sedang meneliti bagi memberikan pensijilan pengiktirafan halal bagi kilang-kilang di luar negara bagi mempromosikan lagi pensijilan halal Brunei di luar negara. Pihak kerajaan juga telah menyediakan garis panduan pengilangan dan pengendalian kosmetik halal dan insya-Allah garis panduan tersebut akan dilancarkan pada tahun ini.

Pusat Sains Halal dan Metrologi keupayaan bagi membuat penganalisaan dan pengesahan *directive* daging khinzir dan penggunaan peralatan *PCR (Polymerase Chain Reaction)* dan *test kid ilica enzyme link*. Pusat ini juga mempunyai peralatan mengesan alkohol dan gelatin dalam produk makanan. Pusat ini akan

sentiasa berusaha untuk mengukuhkan dan membangunkan keupayaan teknikal seperti kemajuan teknologi dalam kaedah pengesanan halal dalam produk makanan dan yang bukan makanan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola sebenarnya ingin menjawab 6 soalan daripada 5 orang Yang Berhormat di sebelah sana. Jadi kalau Yang Berhormat Pengerusi mengizinkan kaola teruskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mula-mula menambah sahaja daripada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai *access to finance*.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau dapat kita berehat buat sementara selepas itu kitani balik lagi untuk Yang Berhormat menjawab soalan-soalan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua):** Boleh Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mencadangkan supaya mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu bagi membolehkan kita balik

bermesyuarat secara Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya cadangkan supaya kita berehat dahulu 15 minit dan kita akan menyambung mesyuarat ini dalam tempoh yang berkenaan itu insya-Allah.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebenar)**

**(Majlis Mesyuarat disambung semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita bersidang meneruskan persidangan kita selaku Jawatankuasa saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang selaku Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu bagi Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A. Saya telah difahamkan sebelum kita berhenti berehat tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua), ingin membuat kenyataan berhubung dengan soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Di lantik. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola sebagaimana yang kaola maklumkan tadi bahawa kaola ingin menjawab 6 soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana iaitu sebanyak 5 orang. Ahli Yang Berhormat tadi.

Pertama ialah mengenai dengan cadangan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman bagi Brunei menarik lebih banyak *venture capitalis* bagi mengganti kewangan daripada kerajaan. Penerangan telah pun diberikan tadi mengenai *access to finance* daripada rakan-rakan sejawatan kaola iaitu Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan selaku Timbalan Pengerusi AMBD. Kaola akan fokus sahaja mengenai *venture capital*, Kementerian Kewangan telah pun menubuhkan apa yang digelar *Strategic Development Capital* ataupun *SDC*, yang selain untuk menarik pelaburan asing ke negara ini melalui pelaburan secara bersama *Joint Venture*. Tetapi ia juga untuk mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk diperkembangkan melalui suntikan dana sama ada secara penyertaan ekuiti ataupun pinjaman. Penyuntikan dana tersebut juga akan didukung oleh suntikan kepakaran pengurusan, perniagaan dan kewangan bagi memastikan perniagaan berkenaan benar-benar akan dapat dikembangkan dan mungkin berpotensi untuk menjadi sumber ekspot bagi negara ini. Walau bagaimanapun setakat ini pencapaian *HDC* lebih terhad kepada menarik pelaburan asing ke negara ini seperti *CAE, Simpur, Pharma, Margarine Plant, Brunei Fertilizer* dan sebagainya.

Manakala mengembangmajukan syarikat-syarikat tempatan, beberapa projek usaha sama masih dalam peringkat penelitian disebabkan oleh sebab-sebab tertentu misalannya termasuklah keengganan pengurusan syarikat untuk membenarkan pihak lain untuk terlibat dalam pengurusan syarikat atau membuat penilaian syarikat yang tinggi melebihi penilaian yang bersesuaian dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan melalui skim dan dana-dana bersesuaian akan terus meneliti peluang-peluang

untuk mengembangmajukan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi insya-Allah. Ke arah itu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman di atas cadangan tadi.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar yang menyentuh mengenai aktiviti penyeludupan rokok di mana beliau berpendapat kerajaan terlalu *lenient* dengan membenarkan pembayaran yang dibuat secara beransur-ansur. Jadi Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak yang berkuasa meneliti undang-undang termasuk dipenjara dan tidak diberi peluang untuk membayar secara beransur-ansur. Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan dan soalan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Untuk menjawabnya, kaola ingin menerangkan bahawa Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja memang secara berterusan meneliti langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang perlu untuk memastikan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan diambil. Kementerian Kewangan mengambil maklum bahawa cadangan bagi memenjarakan secara mandatori ke atas pesalah (penyeludup rokok) akan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan kerana perkara ini sudah terbukti apabila sebilangan daripada penyeludup minyak

bersubsidi dikenakan hukuman penjara di samping denda.

Di samping itu penguatkuasaan di poskos kawalan serta di laluan-laluan yang sering digunakan untuk menyeludup memang sentiasa diperketatkan dari semasa ke semasa melalui pemantauan dan perisikan secara berkesan. Ini termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain dalam membanteras kegiatan yang menyalahi undang-undang negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sejak 1 November 2010, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah membuat pindaan ke atas Perintah *Duty Import Custom 2007* dan Perintah *Duty Excise 2007* yang berkaitan dengan *Duty Excise* bagi rokok, tembakau dan produk-produk tembakau iaitu dengan meniadakan konsesi penumpang tanpa cukai (*duty free passenger concessions*) ke atas 200 batang rokok. Menaikkan cukai rokok dari \$60.00 sekilo kepada \$0.25 sebatang dan menaikkan kadar cukai produk-produk tembakau yang lainnya sebanyak 100 persen. Dengan kenaikan cukai tersebut maka jumlah denda yang akan dikenakan oleh mahkamah juga bertambah tertakluk kepada jumlah rokok yang diseludup iaitu 6 kali ganda dari cukai rokok yang sepatutnya dibayar.

Ketiga ialah mengenai soalan dan saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim bagi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi memantau warga yang diberikan bantuan kebajikan.

Sebenarnya pemberian bantuan kebajikan ini adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab beberapa buah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat dan agensi-agensi lain.

Oleh itu mungkin nanti rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat memberikan penjelasan lanjut mengenai perkara ini. Kaola percaya agensi-agensi berkenaan boleh bermuzakarah bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penyelarasan skim-skim bantuan yang ada. Ini sebagai sebahagian daripada usaha bagi memastikan orang ramai tidak terlalu bergantung pada bantuan-bantuan kebajikan.

Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim tadi.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai cadangan pencejajaran harga barang-barang di kedai dan pasar raya di negara ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim di atas cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat. Seperti yang kita maklumi jumlah kedai yang menjalankan perniagaan di negara ini banyak bilangannya. Oleh yang demikian, secara praktiknya memang sangat sukar bagi JPKE untuk membuat

pencejajaran harga ini kerana setiap peniaga mempunyai kos operasi yang berbeza-beza seperti kos sewa kedai, kos penghantaran, kos kakitangan dan lain-lain di samping pembekalan barang-barang yang dijual itu dari sumber-sumber yang berlainan.

Di samping itu cadangan langkah tersebut boleh sahaja memberikan impak negatif kepada ekonomi negara kerana ia akan menjelaskan tahap persaingan di antara peniaga di negara ini. Walau bagaimanapun, dalam memastikan harga barang-barang yang dikawal harganya tidak melebihi daripada harga yang telah ditetapkan oleh JPKE khususnya barang-barang asasi, Bahagian Kawalan Harga secara aktif melaksanakan pemantauan secara berterusan termasuklah secara rutin dengan membuat sebanyak 57 lawatan ke premis-premis perniagaan seperti pasar raya dan kedai-kedai runcit setiap bulan, di samping membuat beberapa lawatan mengejut di keempat-empat daerah.

Sejak pindaan Akta Kawalan Harga dikeluarkan pada November 2012, sebanyak 183 notis amaran dan 19 kompaun telah dikeluarkan. Di antara kesalahan yang telah diambil tindakan termasuklah melebihi harga yang ditetapkan oleh JPKE seperti harga susu tepung anak damit, harga minyak masak dan lain-lain. Tidak memamerkan sijil harga kenderaan dan membuat penipuan semasa harga jualan murah.

JPKE juga pada masa ini sedang giat meningkatkan keberkesanan *system price watch*, di mana ia akan membolehkan orang ramai membuat perbandingan harga bagi barang-barang yang tertentu secara *online*. Oleh itu JPKE sentiasa menyarankan agar pengguna-pengguna di negara ini mengamalkan konsep pengguna bijak iaitu membuat perbandingan harga atau *window shopping* lebih dahulu di premis-premis perniagaan sebelum membuat pembelian bagi mendapatkan harga yang berpatutan dan munasabah.

Pihak JPKE sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai untuk membantu JPKE memantau amalan penipuan dan tidak adil dengan membuat aduan ke Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Bagi memudahkan orang ramai untuk membuat laporan tersebut ia bolehlah dibuat melalui telefon melalui talian 2230223 pada waktu pejabat atau melalui e-mail: [aduanpengguna@jpke.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpke.gov.bn) atau *facebook* *aduanpenggunajpke* tanpa perlu ke JPKE dengan syarat mempunyai bukti.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai perkara yang berkaitan dengan warga emas yang diabaikan. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan Yang Berhormat itu.

Dalam perkara ini, walaupun pada masa ini tidak terdapat undang-undang khusus berkaitan dengan undang-undang yang mewajibkan tanggungjawab penjagaan dan kebajikan warga emas ke atas ahli-ahli keluarganya terutama sekali anak-anak mereka, namun tidaklah seharusnya terdapat kejadian yang warga emas diabaikan dan terbiar hak-hak mereka oleh ahli keluarga mereka. Sebagai sebuah masyarakat yang dididik dengan amalan budaya yang murni berteraskan agama Islam, lebih-lebih lagi dengan sistem amalan bernegara yang kita amalkan berteraskan Melayu Islam Beraja, hak-hak kebajikan masyarakat secara menyeluruh adalah perkara yang penting mengikut hak-hak kehidupan dan kebajikan mereka. Apatah lagi hak-hak kebajikan bagi orang-orang tua ataupun warga emas terutama sekali dalam kalangan masyarakat kitani yang sememangnya dibentuk dengan calak Brunei dalam menjaga kepentingan orang-orang tua, apatah lagi jika warga emas itu adalah ibu bapa kita.

Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai anak untuk menjaga kehidupan orang tua kita apabila mereka menempuh hari-hari tua dan bukan mengabaikan atau menyerahkan tanggungjawab itu kepada orang lain.

Bagi warga emas atau orang-orang tua yang tidak mempunyai keluarga atau saudara mara untuk menjaga kebajikan mereka, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan

Pembangunan Masyarakat memang telah memainkan peranan dalam memberikan pemedulian melalui berbagai-bagai bantuan kepada mereka. Ini termasuklah elaun sara hidup, memberikan dan menguruskan keperluan lain seperti tempat kediaman dan juga menguruskan keperluan mereka dalam mendapatkan rawatan di klinik dan hospital. Perkara ini memang sudah ditangani oleh JAPEM dan terdapat beberapa warga emas yang mereka tangani sehingga kini.

Dalam hubungan ini, saya percaya rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mungkin akan dapat memberi ulasan lanjut mengenai perkara ini.

Mengenai cadangan bagi peruntukan undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu tadi, insya-Allah, perkara ini akan diteliti secara mendalam dan ke arah itu sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan saranan yang membina daripada Yang Berhormat seperti yang diutarakan tadi.

Yang terakhir, ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai langkah-langkah kerajaan menangani isu *service charge* dan 3 peratus *charge* bagi pembelian pengguna kad debit dan kad kredit. Ini sebagai menambah maklumat yang telah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Pengurusi AMBD. Untuk itu saya lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan Yang

Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Seperti yang dimaklumi, amalan peniaga yang mengenakan *service charge* yang dikongsi tersebut amat mendukacitakan. Perkara ini sepatutnya tidak lagi berlaku kerana agensi-agensi kerajaan seperti *Authority Monetary Brunei* dan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi telah pun mengambil langkah-langkah untuk memberi gakan bahawa amalan tersebut menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa di negara pada masa ini.

Jika peniaga-peniaga mengenakan *service charge* atau *surcharge* tanpa pengetahuan pelanggannya, peniaga-peniaga berkenaan boleh dikaitkan sebagai melakukan amalan tidak saksama (*unfair practices*) di bawah Bab 4, Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Adil, 2011). Bagaimanapun, disebabkan Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Adil 2011) adalah di bawah Undang-Undang Sivil, pihak JPKE perlu menerima aduan-aduan rasmi sebelum membuat tindakan-tindakan tertentu sebagai prosedur yang tersedia. Amalan yang tidak sihat ini juga boleh diadukan kepada agensi yang bertanggungjawab dalam mengawal-selia institusi-institusi kewangan ataupun bank iaitu *Authority Monetary Brunei Darussalam* khususnya di bahagian *Financial Consumer Protection Unit* yang telah ditubuhkan pada bulan Mac 2015.

Namun bagi produk seperti telefon bimbit, komputer dan sebagainya, pihak JPKE telah membuat pemantauan dan

pemeriksaan terhadap premis perniagaan yang menjual produk tersebut bagi memastikan syarikat-syarikat tidak mengenakan *service charges* ataupun *surcharge* ketika membuat pembelian menggunakan kad debit ataupun kredit. Dari pemantauan tersebut, didapati sebahagian besar syarikat telah mematuhi dan tidak lagi mempamerkan perbezaan harga jika bayaran dengan kad debit atau kredit dan wang tunai.

Walau bagaimanapun, ada segelintir syarikat yang masih mengamalkan amalan yang tidak adil ini. Malah memutarbelitkan situasi dan mengelirukan pengguna dengan mempamerkan dua tanda harga secara tidak langsung, iaitu harga asal *normal price* adalah harga menggunakan kad debit atau pun kredit dan harga diskaun adalah harga penggunaan wang tunai.

Dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Harga, Harga Jualan Murah 2012, jika syarikat-syarikat mempamer dua tanda harga atau perbandingan harga atau diskaun ia perlu mendapat kebenaran daripada JPKE. Dengan itu, pihak penguatkuasaan JPKE telah mengeluarkan beberapa notis amaran dan tawaran untuk mengkompaun syarikat-syarikat yang mengadakan harga jualan murah tanpa kebenaran tersebut.

Akhirnya, kaola menyeru kepada orang ramai supaya membuat aduan kepada pihak AMBD dan JPKE jika berhadapan dengan peniaga yang mengenakan *surcharge* dengan seberapa segera bagi

membolehkan tindakan undang-undang diambil mengenainya. Nombor yang dihubungi sudah pun kaola nyatakan tadi, jadi tidak payah diulangi lagi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga suka untuk membuat kenyataan mengenai beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sebentar tadi. Saya persilakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin merujuk kepada soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai apakah ada pemantauan dibuat terhadap makanan dan ubat-ubatan yang dijual dipremis-premis berkonseptan seperti *cube shops*?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar mempunyai tugas dan peranan untuk memastikan keselamatan makanan dan ubat-ubatan yang dijual di negara ini selamat untuk para pengguna.

Alhamdulillah, perusahaan kedai runcit secara petak (*cube shops*) ini semakin banyak diusahakan dan dengan sendirinya semakin banyak juga

penyewa yang menjual barang mereka. Kebanyakan daripada pengusaha-pengusaha ini terdiri daripada kalangan warga tempatan. Pada masa ini didapati kebanyakannya syarikat berjual bermacam-macam produk yang bercampur aduk termasuk makanan, barang-barang kosmetik dan juga pil *supplement*.

Oleh itu, tindakan kawalan perlu ada bagi memastikan keselamatan orang awam tidak terancam dan pada masa yang sama untuk kita bersama-sama masih memberi kemudahan bagi peniaga kecil dan sederhana dijalankan.

Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar memang ada menjalankan usaha *post marketing surveillance* terhadap premis-premis kedai dan perusahaan yang menjual makanan dan ubat-ubatan termasuklah kepada *cube shop* ini. Pemantauan ini dipertingkatkan lagi memandangkan semakin banyak tumbuhnya premis-premis baharu yang dinyatakan tadi itu. Cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat tadi itu sangat dialu-alukan dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Ke arah kepentingan kesihatan dan keselamatan orang awam Kementerian Kesihatan pada masa ini dalam proses penggubalan peraturan kesihatan awam yakni kebersihan pemakanan bersama rakan-rakan di Jabatan Peguam Negara. Dengan adanya penggubalan itu nanti diharapkan pendaftaran premis permakanan akan dimandatorikan bagi

memudahkan lagi pemantauan dilakukan. Bersama ini juga pengendali atau pengusaha dapat dipertanggungjawabkan atas perusahaan mereka. Di samping itu, akan meningkatkan kepekaan para pengendali atau pengusaha premis makanan tentang pentingnya keselamatan makanan. Dengan itu, kesihatan dan keselamatan orang awam insya-Allah akan lebih terjamin. Semua maklumat mengenai *cube shop* yang ada di kesemua daerah telah diperolehi dan beberapa sesi muzakarah atau *stakeholders engagement* bersama pengusaha atau penyewa mengenai kepentingan keselamatan makanan akan diadakan.

Pengawalan produk ubat dan kosmetik pula adalah di bawah Perintah Ubat 2007 dan peraturan-peraturannya. Perintah Ubat 2007 antara lain menyediakan peruntukan undang-undang bagi mengawal selia pengimportan, pendaftaran, promosi iklan dan penjualan produk ubat dan produk kosmetik di negara ini bagi memastikan produk berkenaan adalah selamat, berkualiti dan berkesan dan di bawah perintah tersebut produk ubat-ubatan yang dipasarkan di negara ini adalah mandatori untuk didaftar.

Permohonan hendaklah dihadapkan ke Kementerian Kesihatan untuk diteliti mengikut proses dan syarat-syarat tertentu. Pihak kementerian juga menjalankan program pemantauan ke atas produk-produk yang dalam pasaran iaitu *post marketing surveillance* dengan menggunakan

kaedah *risk based assessment* bagi memastikan produk ubat yang diberikan kebenaran berdaftar atau produk kosmetik yang telah dinotifikasi dan seterusnya dipasarkan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan. Untuk makluman, dari aktiviti ini terdapat sebahagian produk yang tidak menepati kehendak peraturan dan menyebabkan pemulangan balik produk ubat atau kosmetik berkenaan. Dalam pada itu melalui *post marketing surveillance* ini juga mendapati ada produk-produk yang tidak diberi kebenaran untuk dipasarkan di negara ini.

Mengenai kawalan jualan atau pemasaran ubat dan kosmetik melalui media soial dan juga *cube*, pihak Kementerian Kesihatan turut menjalankan pemantauan berasaskan kawalan seperti yang telah dijelaskan. Mana-mana pihak yang menjual atau memasarkan produk yang tidak berdaftar atau bagi kosmetik yang tidak dinotifikasi di negara ini adalah menyalahi undang-undang Perintah Ubat 2007 dan boleh didakwa.

Yang Berhormat Pengerusi, bagi mengakhiri ulasan kaola ini, pihak Kementerian Kesihatan mengesyorkan yang kami akan memberikan segala kerjasama bagi memastikan semua proses akan dipermudahkan dan juga ingin melihat para pengendali dan pengusaha ini akan dapat memajukan perniagaan mereka. Dengan adanya kualiti yang tinggi dari segi keselamatan insya-Allah peluang memang ada bagi mereka untuk mengeksport juga produk-produk mereka ini pada masa

hadapan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seperti juar yang diharapkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) sebentar tadi, dalam kesempatan ini kaola ingin saja menambah maklumat iaitu merujuk kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf, mengenai pelaksanaan dan penyelarasan program-program bantuan yang diberikan oleh berbagai agensi kerajaan seperti JAPEM, Majlis Ugama Islam Brunei dan lain-lain melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu Sosial pada bulan Januari, perkara ini akan diteliti dan pemantauan akan dibuat secara kerap begitu juga dengan profil-profil yang ada bagi penerima-penerima ini akan dikemaskinikan lagi. Ini untuk mengelakkan daripada duplikasi dan mengelakkan jika data itu tidak lengkap. Penerima akan lebih kemas penerimaannya pada setiap bulan dan juga sepanjang penerimaan hak mereka. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun berbincang dengan panjang lebar mengenai Tajuk - SA14A hingga

Tajuk - SA25A. Sekarang saya ingin mengundi bagi Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Nampaknya tidak ada yang menentang. Semua Ahli bersetuju mengenai Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A ini diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A dijadikan sebahagian daripada Jadual Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang telah kita maklumi bahawa pada kebiasaannya Tajuk Belanjawan Kementerian Pertahanan ini tidak dibincangkan memandangkan Tajuk ini berkaitrapat dengan hal ehwal strategi keselamatan negara.

Isu-isu ataupun perkara-perkara di dalamnya adalah sensitif dan tidak sesuai untuk dibincangkan dalam Majlis yang terbuka ini. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin menyampaikan mukadimahnya bagi Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya ingin mengongsikan secara ringkas sahaja mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Pada Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak Lima Ratus Enam Puluh Empat Juta, Enam Ratus Lima Puluh Ribu, Lima Ratus Empat Puluh Ringgit (\$564,650,540.00). Antara fokus dan keutamaan Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:-

1. Memastikan kedaulatan dan keselamatan negara yang dinikmati selama ini akan kekal terjamin, insya-Allah. Melalui pengurusan pertahanan yang dinamik, dengan mengambil kira pelbagai elemen dan langkah-langkah utama seperti perkembangan sains dan teknologi, mengurangkan duplikasi, perkongsian sumber-sumber yang ada, *streamlining* proses-proses, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengatur strategi dan perancangan bagi mengukuhkan keupayaan pertahanan selari dengan perkembangan semasa serta mengukuhkan dan memperluaskan jalinan diplomasi pertahanan dengan negara-negara serantau;

2. Peningkatan keupayaan ketenteraan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang meliputi alat kelengkapan tentera, mobiliti dan pengangkutan, institusi-institusi latihan dan sebagainya masih diteruskan dan diambil perhatian bagi memastikan ia pada tahap yang tinggi memandangkan peranan serta tanggungjawab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berkembang dan semakin mencabar baik di peringkat negara ataupun antarabangsa.
- Dalam waktu yang sama, Kementerian Pertahanan juga akan mengambil peranan penting ke arah usaha mencapai Wawasan 2035, iaitu membentuk satu strategi keselamatan yang *robust* dan berkesan untuk memelihara kestabilan dan kedaulatan Negara;
3. Dokumen Kertas Putih Pertahanan 2011 dan Perancangan Strategik Pertahanan 2012 serta hala tuju dasar yang digariskan bagi strategi keselamatan negara terus menjadi panduan bagi perancangan perkembangan Kementerian Pertahanan dan ABDB bagi melaksanakan dengan berkesan misi pertahanan iaitu bagi mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan mendukung Perlembagaan dan Falsafah Melayu Islam Beraja(MIB);
4. Langkah-langkah diplomasi pertahanan telah meningkatkan sumbangan negara dalam keselamatan serantau dan dunia, seterusnya mewujudkan persekitaran keselamatan yang kondusif bagi memastikan keamanan negara terus terjamin. Ini termasuk penglibatan aktif dalam inisiatif-inisiatif pembangunan keyakinan (*confidence building*), kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala, serta misi-misi luar negara, baik misi pengamanan maupun misi bantuan bencana dan kemanusiaan;
5. Pembinaan kapasiti dan pembangunan keupayaan dijuruskan kepada pelaksanaan dengan berkesan. Empat keutamaan operational bagi misi pertahanan iaitu meningkatkan diplomasi pertahanan, memastikan tahap pertahanan, memastikan tahap kesediaan dan siap siaga yang tinggi, mengukuhkan koordinasi dengan agensi-agensi keselamatan tempatan dan meningkatkan perlindungan kepentingan-kepentingan dalam lingkungan wilayah negara; dan
6. Inisiatif-inisiatif yang menjurus ke arah pembangunan tenaga kerja yang mahir, terlatih dan profesional serta penyediaan dan pemeliharaan kelengkapan dan prasarana yang mencukupi dan berdaya tahan telah menyumbang kepada tahap kesediaan dan siap siaga yang tinggi dan ini mewujudkan keupayaan tentera yang berkesan, mampu untuk melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Latihan-latihan ketenteraan yang menyumbang ke arah *interoperability* sama ada secara dalaman atau bersama negara-negara luar masih dilaksanakan melalui perancangan yang teliti. Keupayaan ini mewujudkan faktor *deterrent* dan memberikan jaminan (*insurance*) untuk tindak balas kepada krisis-krisis dan sebarang ancaman yang timbul, baik dalam bentuk *conventional* mahupun *non-conventional*. Setentunya, meskipun kawasan kejiranan Negara Brunei Darussalam agak stabil, tugas utama Kementerian Pertahanan adalah untuk bersedia bagi persekitaran keselamatan masa hadapan yang sukar diramal.

Secara ringkas peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:-

- Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disediakan \$330,626,780.00 iaitu penurunan sebanyak 1.6% berbanding tahun kewangan yang lepas;
- Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$139,433,520.00 iaitu penurunan sebanyak 17.7%; dan
- Perbelanjaan Khas disediakan sebanyak \$94,590,240.00 bagi melaksanakan 12 projek baharu berjumlah \$24,208,000.00 dan 19 projek pengambilan semula berjumlah \$70,382,240.00. jumlah ini termasuk peruntukan bagi Projek Peningkatan Keupayaan Pertahanan

yang sebelum ini di bawah kawalan Kementerian Kewangan yang telah pun dipindahkan peruntukannya ke Kementerian Pertahanan.

Dalam usaha menangani penurunan hasil pendapatan negara, Kementerian Pertahanan juga telah merancang beberapa langkah penjimatan. Ini antara lainnya termasuklah:-

- Mula menggunakan kaedah penggunaan fasiliti secara guna sama bagi memastikan penggunaan fasiliti yang maksimum dan optimum. Dalam hubungan ini penggunaan bagi fasiliti baharu akan mengambil kira nilai penggunaan sama sebelum projek berkenaan diluluskan;
- Perbelanjaan projek-projek Kementerian Pertahanan termasuk di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara juga sedang giat dikaji dan diteliti demi mendukung perbelanjaan yang lebih berhemah. Pada waktu yang sama, beberapa projek telah diputuskan untuk ditangguhkan atau dibatalkan sama sekali.;
- Membuat penelitian semula ke atas kadar-kadar sewa *BRIDEX* dan kemudahan berkaitan bagi memastikan kadar sewa tersebut dapat menampung kos operasi dan pemeliharaan tanpa menjelaskan kualiti perkhidmatan dan penyediaan fasiliti. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan daripada perkhidmatan lain yang

ditawarkan ketika ini seperti Khidmat Pemusnahan Bahan Letupan dan Perkhidmatan Kolaborasi sedang giat dipertingkatkan:-

- Membuat kajian untuk menyumberluarkan (*outsource*) sebahagian aktiviti yang bukan melibatkan operasi bagi menjadikan Kementerian Pertahanan lebih efisien dalam pengurusan kewangannya.; dan
- Membuat beberapa *review* untuk mempermudah (*streamline*) proses-proses yang sedia ada bagi mengelak duplikasi, serta menggubal dasar dan garis panduan kepada penyelesaian berinovasi melalui sains dan teknologi, termasuk penggunaan *ICT*.

*Performance Management* akan terus diberikan keutamaan dalam memantau pelaksanaan strategi ke arah pencapaian misi, visi dan objektif Kementerian Pertahanan. Pada masa yang sama, *strategy review* akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan strategi organisasi akan terus mantap dan *responsive* kepada persekitaran yang berubah-ubah. Ini termasuk menilai keberkesanannya strategi dengan mengambil kira tekanan fiskal yang dihadapi negara sejak tahun kebelakangan ini.; dan

7. Kementerian Pertahanan, insya-Allah akan sentiasa mengamalkan sikap berhemah dalam berbelanja dan

memastikan *corporate governance* seperti menginstitusikan kaedah *Programme and Performance Budgeting* di Kementerian Pertahanan dan *accountability* setiap pegawai yang diamanahkan iaitu *Sub-Vote Controller* akan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa. Peruntukan yang diberikan akan dapat memastikan kesinambungan pertahanan negara dan kesiapsiagaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahap yang tinggi bagi terus memainkan peranan dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Akhir sekali, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi sebagaimana juga di tahun-tahun yang lepas, kaola memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi agar peruntukan Kementerian Pertahanan ini tidak akan dibahaskan secara terbuka memandangkan sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi telah nyatakan tadi ia boleh mendedahkan isu-isu keselamatan pertahanan strategik negara. Apa juga saranan-saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah akan disampaikan kepada Kementerian Pertahanan untuk sebarang penelitian lanjut dan tindakan-tindakan yang bersesuaian.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita baru sebentar tadi telah

mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai bajet ataupun Rang Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan. Maka sekarang, saya ingin untuk melakukan undian sama ada belanjawan ini kita luluskan atau sebaliknya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan belanjawan ini sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan  
bersetuju)**

Oleh sebab tidak ada yang menentang, maka Tajuk Kementerian Pertahanan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita telah meluluskan Tajuk-Tajuk Perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pertahanan. Maka saya sekarang mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya sekarang ingin menangguhkan supaya persidangan ini kita berhentikan sementara dan insya-Allah akan kita sambung semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 1 Jamadilakhir 1437 Hijrah bersamaan 10 Mac 2016 sebagaimana biasa pukul 9.00 pagi. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**